

LAMPIRAN B

AKTA ACARA KEWANGAN 1957 PENUBUHAN DAN ARAHAN AMANAH DI BAWAH SEKSYEN 10

AKAUN AMANAH KUMPULAN WANG AMANAH PELABURAN NEGERI PULAU PINANG

Suatu akaun amanah adalah ditubuhkan dalam Akaun Amanah Disatukan di bawah subseksyen 10(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi **Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang** (kemudian daripada ini disebut sebagai 'Akaun').

2. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Pulau Pinang dengan ini mengeluarkan arahan-arahan bagi Akaun, seperti yang diperuntukkan kemudian dari ini.

TUJUAN AKAUN

3. Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membolehkan pelaburan dibuat daripada wang yang diperuntukkan kepadanya.

PENTADBIRAN AKAUN

4. Akaun ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Pulau Pinang (LKAPP), kemudian daripada ini disebut sebagai 'Lembaga', yang dianggotai oleh:

- | | | |
|-----|-----------------------------------|--------------------------|
| 4.1 | Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang | - Pengerusi |
| 4.2 | Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri | - Ahli
- Jawatankuasa |
| 4.3 | Y.B. Pegawai Kewangan Negeri | - Ahli
- Jawatankuasa |

Ahli

- 4.4 Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri - Jawatankuasa
 - 4.5 Seorang pegawai dari Jabatan Kewangan Negeri sebagai Setiausaha.
5. Fungsi dan tanggungjawab Lembaga ini adalah seperti yang berikut:
- 5.1 memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun selaras dengan tujuan
Akaun seperti yang dinyatakan di perenggan 3 Arahan ini;
 - 5.2 menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan ini, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang berkaitan;
 - 5.3 meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun; dan
 - 5.4 memastikan bahawa Akaun berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.
6. Setiap ahli Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup, mengikut kadar sebagai mana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

7. Lembaga adalah bersama-sama turut bertanggungjawab bagi pengendalian Akaun ini. Semua Ahli Lembaga disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

PENGAWALAN AKAUN

8. Akaun ini hendaklah dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau seorang pegawai perakaunan di bawah kawalan pentadbirannya yang dilantik dengan sempurna olehnya secara bertulis untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah bagi pihak dan atas namanya.
9. Tertakluk kepada arahan 8 di atas, selain ditadbir oleh Lembaga, Akaun ini boleh dikendalikan oleh Unit Analisa Pelaburan dan Pinjaman, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dalam menguruskan segala transaksi terimaan dan perbelanjaan yang selaras dengan fungsi pengwujudan Akaun ini.
10. Semua terimaan dan bayaran bagi maksud Akaun ini hendaklah diperakaunkan oleh Bendahari Negeri Pulau Pinang.
11. Pengawalan dan pengurusan Akaun ini hendaklah sentiasa tertakluk kepada terma-terma Arahan Akaun Amanah ini, peruntukan-peruntukan Arahan Perbendaharaan serta peraturan-peraturan kewangan yang berkaitan dengannya dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
12. Tahun kewangan Akaun ini hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember pada setiap tahun.

13. Pegawai Kewangan Negeri boleh pada bila-bila masa membekukan Akaun ini sekiranya didapati peruntukan dalam Arahan Akaun ini tidak dipatuhi.

SUMBER KEWANGAN DAN PENGGUNAAN WANG DALAM AKAUN

14. Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan wang daripada sumber-sumber berikut:
 - 14.1 Wang yang dari semasa ke semasa diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada dan bagi maksud-maksud Akaun ini;
 - 14.2 Wang yang merupakan hasil daripada pelaburan dari Akaun;
 - 14.3 Sumbangan yang dibuat oleh mana-mana Majlis Perbandaran, Badan-badan Berkanun, atau lain-lain Pihak Berkuasa Berkanun kepada Akaun; dan
 - 14.4 Pemberian, derma, endowmen, alang, bekues dan lain-lain sumbangan oleh mana-mana institusi, syarikat atau individu kepada Akaun.
15. Lembaga boleh dari semasa ke semasa memindahkan apa-apa amaun dari akaun sebagaimana yang difikirkan wajar ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri.
16. Tertakluk kepada arahan 15, wang dalam Akaun ini hendaklah digunakan hanya bagi tujuan yang ditetapkan dalam peruntukan yang diterima iaitu bagi membiayai pelaksanaan projek, program dan aktiviti yang khusus selaras dengan tujuan peruntukan dan terimaan yang disalurkan.

17. Lembaga boleh dari semasa ke semasa memindahkan apa-apa perolehan seperti keuntungan jualan saham, terimaan dividen atau sebarang hasil pelaburan berkaitan dari Akaun ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri.

18. Wang dalam Akaun ini boleh digunakan oleh Lembaga hanya bagi tujuan-tujuan berikut:
 - (a) Sebagai simpanan deposit di mana-mana bank / institusi kewangan di dalam atau luar Malaysia, tertakluk kepada kebenaran untuk menerima deposit yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada bank / institusi kewangan berkenaan;
 - (b) Dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949;
 - (c) Dalam sekuriti-sekuriti mengikut terma-terma yang menguntungkan Akaun;
 - (d) Dalam surat cara pasaran wang, termasuk bil atau bon Perbendaharaan, penerimaan juru bank dan perakaunan deposit tempoh-tempoh kematangan tidak melebihi satu tahun;
 - (e) Dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma-terma yang menguntungkan Akaun, kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri di Malaysia;
 - (f) Dalam pinjaman-pinjaman mengikut terma-terma yang menguntungkan Akaun, kepada mana-mana pihak berkuasa atau Perbadanan Awam atau syarikat yang Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan di dalamnya;

- (g) Dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada:
- (i) mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di dalam Persekutuan;
 - (ii) mana-mana Koperasi yang melibatkan dari dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan;
- (h) Dalam logam-logam berharga seperti emas, perak, platinum dan paladium; dan
- (i) Selainnya, sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
19. Pelaburan yang disebut dalam dalam arahan 18(e) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi sepuluh peratus aset yang boleh lupus Akaun.
20. Jumlah pelaburan yang disebut dalam arahan 18(f) dan 18(g) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi dua puluh lima peratus aset yang boleh lupus Akaun.
21. Apa-apa kos, perbelanjaan dan pembayaran lain yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pengurusan akaun hendaklah dipertanggungjawabkan kepada akaun. Walau bagaimanapun, wang dari akaun ini tidak boleh digunakan untuk tujuan hospitaliti.
22. Pihak Berkuasa Negeri boleh, secara bertulis, memberi kepada Lembaga apa-apa arahan bersifat am yang tidak bercanggah

dengan peruntukan-peruntukan dalam peraturan ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

23. Semua terimaan dan perbelanjaan daripada Akaun ini hendaklah dibuat dengan baucer yang telah disahkan oleh Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau pegawai perakaunan lain yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal Akaun Amanah secara bertulis, dan Pegawai itu hendaklah memastikan rekod penerimaan dan penggunaan wang tersebut dicatatkan dalam rekod kewangan Akaun.
24. Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau pegawai perakaunan yang diberi kuasa hendaklah memastikan bahawa Akaun ini sentiasa berbaki kredit dan tidak berlaku terlebih pengeluaran. Pegawai yang dipertanggungjawabkan membuat perbelanjaan hendaklah memastikan bahawa perbelanjaan tersebut diluluskan oleh Pegawai Pengawal Akaun Amanah dan baki di dalam Akaun adalah mencukupi sebelum perbelanjaan dilakukan.

SIJIL PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA TERIMAAN DAN BAYARAN

25. Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah memastikan Sijil Pengesahan Baki Bulanan dikemukakan kepada Bendahari Negeri pada atau sebelum setiap 10 haribulan berikutnya. Penyata Penyesuaian hendaklah disediakan jika terdapat perbezaan. Sijil pengesahan baki bulan Disember hendaklah juga disalinkan kepada Pengarah Audit Negeri, Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Pulau Pinang.

26. Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat dari 31 Mac pada tahun berikutnya, mengemukakan kepada Bendahari Negeri dan Pengarah Audit Negeri, Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Pulau Pinang, Penyata Akaun yang lengkap mengandungi butiran baki permulaan, penyata lengkap terimaan dan bayaran bagi tahun kewangan berkaitan dan baki penutupan akaun ini setakat 31 Disember. Selepas diaudit, satu salinan penyata akaun bersama pemerhatian audit hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri.

PENUTUPAN AKAUN

27. Akaun ini hendaklah ditutup apabila ianya telah mencapai tujuan Akaun ini ditubuhkan dan apa-apa baki kredit di dalam akaun ini hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri. Penyata akaun yang berbaki sifar hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Pengarah Audit Negeri, Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Pulau Pinang dan Pegawai Kewangan Negeri.

TARIKH KUAT KUASA ARAHAN

28. Arahan ini menggantikan arahan yang telah dikeluarkan pada 11 November 2003 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.



[DATUK HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

No. Fail : JKNPP/04/17/1 Jld.5 (23)

Tarikh : 24 Februari 2014